



SIARAN MEDIA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) ANJUR PERTANDINGAN VIDEO KREATIF TIKTOK “INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH”

Putrajaya, 13 Mac 2023 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) menganjurkan Pertandingan Mencipta Video Kreatif Tiktok bertemakan ***“Integriti Dijulang Negara Bermaruah”*** kepada orang awam bermula hari ini sehingga 1 April 2023.

EAIC dalam satu kenyataan memaklumkan, Pertandingan Mencipta Video Pendek Kreatif (TikTok) tersebut merupakan inisiatif untuk menggalakkan kesedaran orang awam mengenai EAIC serta memperkasakan kesedaran dan pemahaman mengenai nilai dan amalan integriti kepada masyarakat umum, selaras dengan fungsi Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Pertandingan ini juga memberi peluang kepada masyarakat untuk menyampaikan mesej dan pemahaman mengenai integriti dalam konteks kehidupan harian melalui aplikasi TikTok, yang kini menjadi medium perkongsian dan komunikasi pelbagai lapisan masyarakat.

Karya video pertandingan hendaklah memaparkan amalan terbaik integriti bersesuaian dengan tema “Integriti Dijulang Negara Bermaruah”. Pemenang tempat pertama akan menerima wang tunai RM1,000, tempat kedua RM750 dan ketiga RM500.

Untuk keterangan dan maklumat lanjut berhubung pertandingan ini, layari **www.eaic.gov.my** atau media sosial EAIC **eaicofficial** (Facebook, Instagram, Twitter, Youtube dan Tiktok) atau hubungi sekretariat pertandingan di talian 03 8880 5739 / 5720 / 5721.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)